

Tumpu pengajian teknologi tinggi: PM

BH 20 JUL 1994

Oleh Mohd Idros Mohd Ali

GEORGETOWN, Selasa - Institusi pendidikan swasta perlu menerokai bidang baru yang canggih seperti aeronautik untuk membolehkan Malaysia bersaing dalam industri berteknologi tinggi, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, mereka juga perlu mengekalkan piala-waian yang tinggi dan memastikan pendidikan berkualiti serta tidak cenderung untuk mengaut keuntungan cepat.

"Institusi pendidikan tajaan kerajaan sudah boleh memenuhi dan melebihi permintaan negara dalam bidang sastera, kemanusiaan dan sains sosial.

"Oleh itu, sektor swasta boleh menceburi bidang lain seperti aeronautik dan bahan serta peralatannya, pengeluaran teknologi, reka bentuk melalui komputer, peralatan mesin dan pembuatan.

"Kita perlu ingat bahawa Wawasan 2020 perlu melahirkan masyarakat yang bersandarkan kepada sains dan teknologi," katanya ketika merasmikan Kolej Antarabangsa (IC) di Bukit Jambul, di sini, hari ini.

Turut hadir, Ketua

keuntungan dalam sekecip mata dengan mewujudkan beberapa "kilang sijil".

"Usaha mereka ini akan menjejaskan kewibawaan negara ini dan industri pendidikan pada keseluruhannya akan dipandang rendah oleh orang lain.

"Kerajaan akan bertindak tegas kepada sesiapa saja yang berkompromi dengan mutunya semata-mata untuk mengaut keuntungan segera," tegasnya.

Menurutnya, sektor swasta perlu menjadi pelengkap kepada dasar pendidikan di negara ini dalam usaha kerajaan menyediakan peluang pekerjaan dalam masyarakat perindustrian moden.

"Kita memerlukan pekerja mahir, artisan, pengukir, juruteknik dan pengurus berkemahiran sebagai pekerjaan asas untuk penduduk negara ini. Untuk itu, kita menjangkakan sekolah, institut vokasional dan institusi swasta menghasilkan dengan jumlah yang mencukupi.

"Sebagai tambahan, kita masih memerlukan ramai jurutera, doktor, pakar gigi, pakar ekonomi dan akauntan," katanya.

Menteri Pulau Pinang, Dr Koh Tsu Koon; Menteri Pendidikan, Datuk Amar Dr Sulaiman Daud dan Pengerusi Lembaga Pengelola IC, Tan Sri Dr Murad Mohd Noor.

Bagaimanapun, Dr Mahathir menegaskan mengenai perlunya pilihan tepat dibuat sebelum penyediaan sesuatu kursus bagi memastikan ia wajar dan tidak semata-mata mencari kursus yang popular untuk menarik ramai pelajar.

"Kita harap usaha mengekalkan mutu pendidikan yang tinggi dipatuhi oleh semua institusi swasta bagi menjamin reputasi kita sebagai pihak yang menyediakan pendidikan berkualiti. "Dalam hubungan ini, kita perlu menjaga imej dan kewibawaan negara," katanya. Dr Mahathir berkata, kerajaan sedar bahawa jika tidak teliti, akan ada usaha pihak tertentu untuk mengaut

Untuk memenuhi hasrat itu, Dr Mahathir berkata, sistem pendidikan perlu lebih menyeluruh bagi melahirkan mereka yang betul-betul berke Layakan dan mempunyai etika yang diperlukan.

"Pada masa kini, sekolah dan pusat pengajian tinggi lain hanya memberi sedikit penekanan kepada pembentukan nilai moral dan etika menyebabkan masyarakat kini kurang produktif.

"Jadi sudah tiba masanya, aspek ini menjadi sasaran utama semua institusi," katanya.

Langkah itu sejajar dengan usaha kerajaan menjadikan Malaysia pusat pendidikan di rantau ini serta membolehkan pemindahan teknologi dilaksanakan dengan sempurna.

Perdana Menteri berkata, beberapa strategi dirangka bagi membolehkan ia berjalan lancar.